



JABATAN MUFTI NEGERI KEDAH
IRSYAD AL-FATWA

**(SIRI 1/2020) "PENANGGUHAN AKTIVITI KEAGAMAAN DI MASJID DAN SURAU
NEGERI KEDAH DARUL AMAN KETIKA WABAK COVID-19 DAN
PENGURUSAN JENAZAH COVID-19"**

Menjunjung titah KDYMM Al-Aminul Karim Tuanku Sultan Sallehuddin Ibni Al-Marhum Sultan Badlishah, Sultan Negeri Kedah Darul Aman pada 17 Mac 2020 bersamaan 22 Rejab 1441, maka dengan ini dimaklumkan bahawa:

1) KDYMM Tuanku Sultan Kedah perkenan menerima keputusan Muzakarah Khas Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam Malaysia yang telah bersidang pada 15 Mac 2020 mengenai **Penangguhan Aktiviti Keagamaan Di Masjid dan Surau Negeri Kedah Darul Aman Ketika Wabak COVID-19 dan Pengurusan Jenazah COVID-19** bertempat di Hotel Pulse Grande, Putrajaya.

2) Atas masalah memelihara jiwa (حفظ النفس) serta mengambil langkah pencegahan (الوقاية خير من العلاج) maka;

i) Solat Jumaat pada 20 Mac 2020 dan 27 Mac 2020 hendaklah digantikan dengan solat fardhu Zohor di kediaman masing-masing bagi mengelak perhimpunan berskala besar yang boleh menyebabkan penularan wabak antara sesama jemaah berlaku dengan pantas.

ii) Untuk mengekalkan syiar fardhu kifayah, pegawai masjid, jawatankuasa kariah dan jawatankuasa surau sahaja **dibenarkan untuk melaungkan azan dan solat fardhu berjamaah seperti biasa di masjid dan surau tanpa mengabaikan aspek kebersihan dan**

keselamatan diri dengan menyediakan kemudahan *hand sanitizer* dan sebagainya.

iii) Lafaz azan hendaklah dilaungkan seperti berikut;

الله أكبر, الله أكبر (2 x)
أشهد أن لا إله إلا الله (2 x)
أشهد أن محمدا رسول الله (2 x)
ألا صلوا في بيوتكم (2 x)
الله أكبر, الله أكبر
لا إله إلا الله.¹

iv) Setiap masjid dan surau hendaklah melaksanakan operasi pembersihan dan penyahkuman seperti mana yang disarankan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sebagai langkah keselamatan bagi mengelakkan jangkitan.

v) Jemaah yang lain hendaklah melaksanakan solat fardhu berjamaah di kediaman masing-masing di samping memperbanyakkan selawat ke atas Nabi ﷺ, bertaubat dengan penuh keinsafan, beristighfar dengan memohon keampunan ke hadrat Allah ﷻ serta memperbanyakkan doa dan zikir, mudah-mudahan Allah merahmati seterusnya mengangkat wabak dan bala yang sedang menimpa ketika ini.

vi) Selain itu, Jawatankuasa Fatwa turut menyarankan supaya membaca Qunut Nazilah (ketika *i'tidal* rakaat terakhir) setiap kali mendirikan solat fardhu dan sunat. Lafaz Qunut Nazilah adalah seperti berikut;

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام على أفضل الأنبياء والمرسلين
سيدنا محمد وعلى اله وصحبه أجمعين.
لا إله إلا الله الحليم العظيم. لا إله إلا الله رب العرش العظيم.
لا إله إلا الله رب السموات السبع ورب العرش العظيم.
يا حي يا قيوم برحمتك نستغيث (3X)،
اللهم يا كاشف الغم ويا فارح الهم ويا من لعبده يعفر ويرحم
ويا دافع البلاء والوباء والنقم، ادفع عنا يا الله، ادفع عنا يا الله، ادفع عنا يا الله، يا رب العالمين
كل بلاء ووباء وهم وضيق وشدة ونقمة وفتنة ما ظهر منها وم بطن.
تحصنا بذى العزة والجبروت، واعتصمنا برب الملكوت، وتوكلنا على الحي الذي لا يموت،
اصرف عنا البلاء والوباء وسوء الأسقام.
اللهم لا تحرمنا ما عندك بشر ما عندنا،
حسبنا الله ونعم الوكيل، ولا حول ولا قوة إلا بالله العلي العظيم.

وصلى الله على سيدنا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين، والحمد لله رب العالمين.

- 3) Bagi kes kematian akibat COVID-19, pengurusan jenazah hendaklah dilaksanakan mengikut keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI Kali ke-107 berdasarkan Hukum Pengurusan Jenazah Orang Islam Yang Disyaki Atau Disahkan Dijangkiti Virus Ebola (*Ebola Virus Disease / EVD*) di Malaysia.

TARIKH KEPUTUSAN : 17 MAC 2020